

**PERBANDINGAN TAFSIRAN ABDULLAH BASMEIH DALAM
TAFSIR PIMPINAN AL-RAHMAN DAN DAN METODE TAFSIR
BI MA'THUR, SERTA PENGAPLIKASIAN ULUM HADIS
SEBAGAI ALAT PENTARJIHAN**
(A COMPARISON BETWEEN TAFSIR ABDULLAH BASMEIH AND
THE NARRATIONS OF TAFSIR BI AL-MA'THUR, AND THE
APPLICATION OF ULUM HADIS AS OPTING TOOL)

Mohammad Dhiya'ul Hafidh bin Fatah Yasin (*corresponding author*)
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: dhiya@kuips.edu.my

Mohammad Roshimi Abdullah
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: mohdroshimi@kuips.edu.my

Muhammad Ihsan Idris
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: ihsan@kuips.edu.my

Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: muthi@kuips.edu.my

Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: syarbaini@kuips.edu.my

ABSTRACT

Tafsir Pimpinan al-Rahman by Abdullah Basmeih was the most used translation among Malay speakers. It had also been printed repeatedly by JAKIM. Various studies have been conducted on this translation either on its methodology,

proverbs or other specific angles, with some claiming it as applying the methodology of Tafsir bi-Ma'thur. This study directly compared the translation with the other tafsir bi al-Ma'thur records. This study chose the al-Fatihah and al-Mu'awwizāt as comparative material. The study found that Abdullah Basmeih did not fully use the methodology of tafsir bi al-Ma'thūr, instead he was more inclined to literal comprehension. This study contributed to the statement of the need for a new translation of the Qur'an that use the methodology of tafsir bi al -Ma'thur holistically, and applying the rules within Ulum Hadith to choose the best meaning of ma'thur for a Qur'anic utterance.

Keywords: Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan al-Rahman, al-Tafsīr bi al-Ma'thūr, Methodology of Tafsir.

PENGENALAN

Allah SWT menyatakan bahawa hanya orang yang hatinya terkunci yang tidak berusaha menghayati al-Qur'an. (Qur'an, 47:24). Justeru Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan seterusnya ulama' sepanjang zaman telah berusaha membantu manusia memahami kitab suci ini, melalui satu proses yang dinamakan sebagai tafsir. Walaupun konotasi lafaz ini sering digambarkan sebagai tafsir panjang lebar di dalam bahasa Arab, namun hakikatnya terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa 'ajam juga merupakan sebuah tafsir. Ini kerana tafsir bermaksud menerangkan, dan terjemahan membawa erti yang sama. Justeru Abdullah Basmeih telah menamakan terjemahannya sebagai Tafsir Pimpinan al-Rahman.

Dari sudut sejarah, penterjemahan al-Quran dan pentafsirannya di Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-17. Hal ini dapat dibuktikan

dengan terhasilnya tulisan-tulisan tetapi tidak dicetak malah kebanyakannya sudah hilang dan tidak dapat dikesan. Syeikh Abdul Malik, Tok Pulau Manis adalah antara tokoh terawal yang berusaha menghasilkan penulisan tafsir dengan menyalin kitab *Tarjuman al-Mustafid* karya Abdul Rauf al-Sengkeli, tetapi manuskrip salinannya telah hilang. Usaha ini diteruskan oleh Tok Kenali apabila beliau bersama sekumpulan pentafsir telah melakukan usaha pentafsiran Tafsir Ibn Kathīr. Kemudian pada abad ke-20, usaha mentafsir dan menterjemah al-Quran ke bahasa Melayu mula mendapat sambutan dalam kalangan para ilmuwan Melayu.

Abdullah Basmeih pula antara tokoh yang melibatkan diri dalam terjemahan dan tafsiran al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Karya tafsir beliau yang berjudul Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan antara tafsir yang digunakan secara meluas di Malaysia. Justeru, pelbagai kajian terhadap karya tafsir ini dijalankan oleh para pengkaji Melayu sama ada dari sudut metodologi atau kandungan. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan etika penetapan metodologi tafsir melalui penilaian semula terhadap Skripsi Metode Basmeih Dalam Menafsirkan Ayat Dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman. Dalam kajian ini, para pengkaji memfokuskan kepada surah *al-Fātiḥah* dan *al-Mu‘awwizāt* untuk menilai semula kesahihan dakwaan penulis tentang penggunaan tatacara *tafsir bi al-ma‘thūr* oleh Abdullah Basmeih. Terjemahan dan pentafsiran Abdullah Basmeih terhadap kalimah-kalimah yang terdapat dalam periwayatan secara *al-ma‘thūr* dalam surah al-Fātiḥah dan al-Mu‘awwizāt akan dianalisis dengan tujuan untuk menilai sejauh mana ketepatan terjemahan

dan pentafsiran Abdullah Basmeih dengan pemahaman kalimah secara tafsiran *bi ma'thūr* yang terbaik atau paling *rājih* berdasarkan neraca kekuatan riwayat.

KAJIAN LITERATUR

Pengenalan tentang Abdullah Basmeih

Nama sebenar beliau ialah Abdullah Basmeih bin Muhammad Basmeih. Beliau dilahirkan pada 29 Disember 1913 di Ma'badah, Mekah dan dibesarkan di sana. Beliau mendapat pendidikan awal dan pelajaran agama di Suq al-Layl, Mekah sehingga berusia 12 tahun. Kemudiannya pada tahun 1927, beliau telah berhijrah ke Malaysia bersama bapanya dan menyambung pengajian di Sekolah Melayu Pengkalan Balak, Melaka dan kemudiannya ke Sekolah Melayu di Bukit Gua. Pergaulan dengan masyarakat setempat menjadikan beliau fasih dan mampu menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Pendidikan formal beliau terhenti pada darjah lima dan tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana masalah kewangan. Berbekalkan kemahiran ilmu bahasa Arab, Abdullah Basmeih telah berusaha menterjemahkan buku-buku berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu seperti buku Sejarah Salahuddin al-Ayyubi (1949) dan Kisah Nabi Muhammad (1952).

Sumbangan terbesar beliau terhadap perkembangan ilmu agama di Malaysia adalah melalui karya Tafsir Pimpinan al-Rahman dan Mastika Hadith. Sebagai penghargaan kepada sumbangan Abdullah Basmeih, beliau telah dianugerahkan oleh kerajaan Malaysia pingat Ahli

Mangku Negara (AMN) pada tahun 1973, pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1989 dan anugerah Johan Mangku Negara (JMN) pada tahun 1994. Beliau juga telah dipilih sebagai Tokoh Ma'al Hijrah pada tahun 1994. Abdullah Basmeih telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 14 Julai 1996 (Hassan, 2000; Muhammad Arif Musa, 2018)

PENGENALAN TAFSIR PIMPINAN AL-RAHMAN

Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan karya yang dihasilkan oleh Abdullah Basmeih tafsir paling popular di Tanah Melayu sehingga kini. Tafsir ini adalah sebuah tafsir al-Quran tiga puluh (30) juzuk versi bahasa Melayu bermula dari surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Nās. Keputusan untuk menghasilkan tafsir berbahasa Melayu telah diputuskan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 1963 dan diserahkan tugasannya kepada Ustaz Faisal bin Haji Othman. Atas sebab tertentu, tugas ini beralih kepada Abdullah Basmeih. Beliau telah mengambil masa selama lima (5) tahun untuk menyiapkan tafsir ini bermula dari tahun 1969 sehingga tahun 1972 (Abdullah, 2009; Muhammad Arif Musa, 2018). Kini, Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan rujukan muktamad Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

KAJIAN LALU TERHADAP TAFSIR PIMPINAN AL-RAHMAN

Terdapat pelbagai kajian lepas yang dijalankan terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman, antaranya kajian Muhammad Arif Musa et. al (2018) yang bertajuk "*Terjemahan Ayat Amthāl di dalam al-Quran: Kajian Terhadap*

Tafsir Pimpinan al-Rahman”. Kajian ini menganalisis terjemahan ayat perumpamaan atau ayat *amthāl* berbahasa Melayu oleh Abdullah Basmeih dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman. Para penulis menjalankan kajian tersebut menerusi perbandingan antara terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman dengan kefahaman ayat *amthāl* menurut ‘Abd al-Nāṣir al-Sa’dī menerusi karya tafsirnya *Taisīr al-Karīm al-Raḥmān*. Melalui metode kualitatif berkonsepkan deskriptif dan analisis, para penulis menganalisis beberapa ayat *amthāl* dalam al-Quran iaitu ayat 17, 18, 19, 20 dan 171 daripada surah al-Baqarah, ayat 176 daripada surah al-A‘rāf dan ayat 5 daripada surah al-Jumu‘ah. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa di dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman terdapat terjemahan ayat *amthāl* yang mampu menyampaikan maksud ayat dengan baik, dan terdapat juga terjemahan yang literal, yang tidak menjelaskan tujuan sesuatu perumpamaan itu dibuat. Para penulis seterusnya mencadangkan sesuatu terjemahan ayat harus mengambil kira tujuan perumpamaan dibuat dan jika sesuatu ayat memerlukan kepada tafsiran tambahan maka penterjemah perlu memasukkan tafsiran tersebut ke dalam teks terjemahan. Hal ini menunjukkan peri pentingnya kajian analisis terhadap pemilihan terjemahan dan tafsiran Abdullah Basmeih dengan bersandarkan neraca tafsiran bi ma’thūr yang terbaik berdasarkan kekuatan riwayat.

Abdul Halim (2018) turut menjalankan kajian terhadap karya tafsir Abdullah Basmeih ini. Kajian beliau yang bertajuk “*Manhaj Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*” bertujuan

menentukan sumber-sumber, metodologi dan bentuk pentafsiran yang digunakan Abdullah Basmeih dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman. Menerusi kaedah kualitatif berkonsep kajian kepustakaan, penulis merumuskan bahawa sumber rujukan Abdullah Basmeih adalah al-Quran, hadith dan kitab-kitab tafsir dan syarah hadith ulama' terdahulu. Dari sudut metodologi yang digunakan pula, Abdullah Basmeih didapati mengaplikasikan empat bentuk pentafsiran iaitu tafsir *ijmālī*, *tahlīlī*, *muqārin* dan *mawḍū'ī*. Walaubagaimanapun, penulis mengatakan bahawa Abdullah Basmeih lebih cenderung kepada bentuk tafsiran *ijmālī* pada kebanyakan ayat yang diterjemah dan ditafsir. Justeru, kajian mengenai penentuan metodologi tafsiran Abdullah Basmeih secara terperinci dan tepat perlu dipergiatkan lagi.

KAJIAN MODEN TAFSIR BI AL-MA'THUR DI NUSANTARA

Afrizal Nur pada tahun 2015 telah menerbitkan "*Khazanah Dan Kewibawaan Tafsir Bi al-Ma'tsur*" yang mengupas persoalan-persoalan utama seperti pengenalan *tafsir bi al-ma'thur*, tokoh-tokoh *tafsir bi al-ma'thur*, metodologi yang digunakan, rujukan *tafsir bi al-ma'thur* dan contoh-contoh pentafsiran *tafsir bi al-ma'thur*. Karya ini memuatkan satu pendedahan tuntas kepada masyarakat awam khususnya penuntut ilmu untuk lebih memahami *tafsir bi al-ma'thur*. Karya Afrizal Nur terus dikembangkan lagi dengan "Muatan Aplikatif Tafsir bi al-Ma'tsur dan bi al-Ra'yi: Telaah Kitab Tafsir Thahir Ibnu 'Asyur dan M. Quraish Shihab." Penulisan ini memuatkan perbahasan dan contoh aplikasi *tafsir bi al-ma'thur* dan *bi al-ra'yi* oleh Ibnu 'Asyur menerusi karyanya *Tahrir wa al-Tanwir* dan M. Quraishy Shihab dalam tafsir *al-Misbah*.

Mengkhusus kepada perspektif ekonomi, Hidayati telah menulis tentang “*Nuansa Tafsir Bi al-Ma’tthur Dalam Ayat-Ayat Tentang Ekonomi: (Studi Perbandingan Tafsir al-Mishbah Dengan Al-Quran Dan Tafsirnya Departemen Agama RI)*.” Kajian ini membuktikan metod *tafsir bi al-ma’tthur* tetap malar segar dan relevan untuk diterapkan dalam pentafsiran ayat-ayat yang berkaitan dengan urusan duniawi, salah satunya tentang ekonomi. Kajian ini juga berperanan sebagai satu hujah balas ke atas golongan yang mendakwa *tafsir bi al-ma’tthur* tidak lagi relevan dan sesuai dengan arus perkembangan dunia sekarang.

Nurdin dalam kajiannya telah melakukan satu penyelidikan berhubung konsistensi Ibn Katsir menggunakan metod *bi al-ma’tthur* dalam tafsirnya *al-Quran al-‘Azim*. Kajian beliau berjudul “*The Consistency of Ibn Katsir in Using the Bi al-Ma’tsuri Method in the Interpretation of al-Qur-Anul ‘Azim*” mendapati Ibn Kathir tidak sepenuhnya menggunakan metod *tafsir bi al-ma’tthur*, namun metod ini lebih dominan digunapakai berbanding metod selainnya.

Selain itu, Dina Mardiana turut memberi sumbangan ilmiah berhubung *tafsir bi al-ma’tthur* menerusi karyanya “*Pemaknaan Toleransi Dan Kebebasan Beragama Perspektif Tafsir Bi al-Ma’tsur (Studi Terhadap Tafsir Jami’ al-Bayan Fi Tafsir al-Quran, Tafsir al-Quran al-Adzim Dan al-Durru al-Mantsur Fi Tafsir Bi al-Ma’tsur)*”. Menurut Dina, pemilihan *tafsir bi al-ma’tthur* sebagai fokus kajian berbanding metod

lain adalah kerana ianya lebih *qualified*. Hal ini sudah pastinya mengisyaratkan peri penting penerapan dan pengaplikasian *tafsir bi al-ma'thur* dalam memahami nas al-Quran.

Pengenalan Tentang Skripsi Metode Basmeih dalam Menafsirkan Ayat dalam Tafsir Pimpinan Al-Rahman

Skripsi metode Basmeih dalam menafsirkan ayat dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman merupakan tesis sarjana yang dihasilkan oleh Mohd Ikbal bin Ahmad Zohdi. Tesis ini adalah dalam pengkhususan Tafsir hadith di bawah Fakulti Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau, Indonesia. Tesis Sarjana ini dihasilkan pada tahun 2010 (Ikbal, 2010).

Bertitik tolak daripada permasalahan kajian bahawa terdapat pihak yang mengatakan karya tafsir ini adalah sebuah kitab terjemahan sahaja (Abdul Halim, 2018), maka penulis skripsi telah menjalankan penelitian terhadap metodologi yang digunakan Abdullah Basmeih dalam penafsiran beliau bertujuan mengetahui metodologi dan tatacara pentafsiran Abdullah Basmeih serta keistimewaan dan kelemahannya. Secara umum metodologi yang digunakan oleh Abdullah Basmeih dalam karya beliau ini adalah secara metode *ijmālī* iaitu menggunakan bahasa yang sederhana dan ungkapan yang ringkas sesuai dengan semua peringkat sama ada masyarakat awam atau intelektual. Penulis juga menyatakan bahawa tatacara pentafsiran Abdullah Basmeih dalam karya beliau ini lebih cenderung kepada tatacara *tafsir bi al-ma'thūr* iaitu

menafsirkan ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain, ayat al-Quran dengan ḥadith Nabawiyyah, ayat al-Quran dengan kata-kata Ṣaḥābat dan Ṭabī‘īn (Ikbal, 2010).

Metodologi kajian yang digunakan oleh penulis dalam skripsi ini adalah kaedah kepustakaan iaitu dengan menelusuri dan menelaah literatur-literatur yang terfokus pada sumber-sumber kepustakaan di samping mengutip dan mengkaji karya-karya lain karangan Abdullah Basmeih. Skripsi ini merumuskan bahawa Tafsir Pimpinan al-Rahman adalah gabungan antara terjemahan dan tafsiran ringkas bukan hanya sekadar kitab terjemahan, menggunakan metode *ijmālī* dan tatacara tafsiran *bi al-ma'thūr* (Ikbal, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Dalam pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah pustaka dengan meneliti kitab-kitab tafsir klasiknya terutamanya al-Ṭabarī, al-Dur al-Manthūr, Ibn Kathir, al-Qurtubī, Ibn al-Arabi, dan moden seperti *Mausu'ah Tafsir al-Ma'thur* oleh Musa'id bin Sulaiman al-Tayyar, Manna' al-Qattan dan lain-lain. Kajian ini turut merujuk kepada terjemahan di dalam Bahasa Inggeris seperti terjemahan Mufti Taqi, terjemahan Yusuf Ali, terjemahan Abdul Daryabardi dan sebagainya untuk semakan silang. Hanya lafaz yang mempunyai penjelasan oleh hadis yang akan diambil kira. Justeru walaupun tafsir berdasarkan bahasa Arab *fusha* dianggap sebahagian sebagai sumber kelima untuk tafsir *bi al-Ma'thur*, ia tidak dijadikan subjek kajian di sini. Ini kerana kajian ini

juga hanya memberi fokus kepada kategori yang ketiga daripada empat kategori pemahaman manusia terhadap al-Qur'an yang disebut oleh Ibn Abbas RA sebagai berikut:

1. Bahagian yang difahami oleh sesiapa sahaja
2. Bahagian yang difahami oleh masyarakat Arab berdasarkan bahasa mereka (seperti *amthal*, *uslub* dan sebagainya)
3. Bahagian yang hanya difahami oleh ahli ilmu
4. Bahagian yang hanya Allah yang mengetahui maknanya (al-Ṭabarī, TT; al-Ṭayyār, 1993)

Data dan lafaz terkumpul kemudian dianalisis menggunakan konsep komparatif dan kritikan pertarjihan berdasarkan disiplin *Ulum Qur'an*, *Ulum Hadis* dan *Usul Fiqh* seperti turutan berikut:

1. *Maqbul* > *Mardud*

Iaitu hanya hadis berstatus *sahih* atau *hasan* sahaja yang akan diterima. Adapun makna dari sumber lemah atau palsu dihindari.

2. *Marfu'* > *Mauquf* > *Maqtu'*

Iaitu walaupun pebezaan makna dikatakan oleh Ibn Taimiyyah sebagai *khilāf tanawwu'*, bukan *taqdād*, namun penjelasan yang datang dari Rasulullah SAW lebih diutamakan berbanding dari sahabat, dan penjelesan sahabat diutamakan berbanding penjelesan tabi'in.

3. *Akabir > Ashaghir*

Contoh pada *tabaqat* sahabat, jika berlaku perbezaan makna antara riwayat dari Ali bin Abi Talib dan Ibn Abbas. Memandangkan Ali bin Abi Talib berada pada *tabaqat* yang lebih tinggi, makna makna daripadanya diutamakan.

4. *Sarih > Ghair Sarih*

Iaitu sekiranya penjelasan tersebut jelas di dalam satu tempat dalam al-Qur'an atau hadis, ia diutamakan berbanding dia di dua tempat yang berasingan dan kaitan tersebut datang pentafsir selepas golongan *tabi'in*.

5. *Tafsir > Asbab al-Nuzul*.

Jumhur ulama' menurut al-Ṭayyār (1993, 2008), a-Khatib al-Iskafi (2001), al-Zurqani (t.t.) dan lain-lain telah menegaskan kepentingan kaedah '*pengajaran diambil dari umumnya lafaz, bukan khususnya sebab*'. Justeru sekiranya makna tersebut datang dalam keadaan jelas ia dibelenggu oleh khususnya sebab penurunan ayat, maka penjelasan makna dari sumber berikutan diberi keutamaan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

SURAH AL-FATIHAH

Kekhilafan Abdullah Basmeih dalam tatacara *tafsīr bi al-Ma'thūr* dapat dilihat dalam tafsiran beliau pada perkataan *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* dalam Surah al-Fatihah. Perbandingan antara maksud yang dibawa oleh Abdullah Basmeih dengan riwayat-riwayat *ma'thūr* lain diringkaskan dalam jadual 1.

Pentafsiran		Nabawi	Ṣaḥābī	Tābi‘īn
Pentafsiran Basmeh	Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.			
	Al-Raḥmān: belas kasihan di dunia dan akhirat. Al-Raḥīm: belas kasihan di akhirat.	Rasulullah SAW.		
Pentafsiran lain	Al-Rahman: belas kasihan yang mencakupi semua perkara. Al-Rahim: belas kasihan kepada makhluk dalam bentuk pemberian rezeki		‘Abdullah bin ‘Abbās	
	Al-Rahman: sifat belas kasihan yang melebihi segalanya. Al-Rahim: belas kasihan kepada orang yang dicintai dan jauh daripada orang yang dikenakan azab.		‘Abdullah bin ‘Abbās -	
	Al-Rahim: sifat belas kasihan yang khusus untuk orang-orang		Ibn Abbas (jalur Ibn Kathir)	

	beriman			
	Al-Rahman: sifat belas kasihan yang merangkumi semua makhluk Al-Rahim: sifat belas kasihan yang khusus untuk orang-orang beriman.			Al-Dhahhak (jalur Juwaibir)

Jadual 1: Ringkasan Perbandingan Maksud *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* Antara Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Dengan Riwayat-Riwayat *Ma'thūr*.

Menurut Noresah, pemurah bermaksud orang yang suka memberi dan tidak kedekut (Baharom, 2007). Perkataan ini boleh juga difahami sebagai lawan kepada perkataan kedekut. Manakala mengasihi bermaksud menyayangi dan mencintai. (Baharom, 2007). Pentafsiran perkataan *al-Rahman* dengan maksud pemurah adalah kurang tepat kerana perkataan *al-Rahman* dan *al-Rahim* berasal daripada perkataan dasar *rahima* yang bermaksud kasih sayang dan belas kasihan. (Ibn Manzur, 2003).

Pandangan ini dikuatkan dengan riwayat daripada Rasulullah SAW yang menyebutkan *al-Rahman* ialah sifat belas kasihan untuk kehidupan di dunia dan *al-Rahim* ialah sifat belas kasihan untuk kehidupan akhirat (*Da'if*) (al-Ṭabarī, t.t). Ibn Abbas RA turut menjelaskan *al-Rahman* bermaksud belas kasihan yang merangkumi semua perkara manakala *al-Rahim* bermaksud belas kasihan kepada

makhluk dalam bentuk pemberian rezeki (al-Baihaqi, 1993) atau sifat belas kasihan lebih halus daripada sifat al-Rahman yang dikhususkan untuk orang-orang beriman dan dijauhkan daripada azab (*Da'if*) (al-Ṭabarī, t.t). Demikian juga al-Dhahḥāk menegaskan *al-Raḥmān* ialah sifat belas kasihan merangkumi semua makhluk manakala *al-Raḥīm* ialah sifat belas kasihan yang dikhususkan untuk orang-orang beriman secara khusus. (al-Rāzī, 1998)

Riwayat-riwayat di atas menunjukkan perbezaan antara *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* bukan pada maksud kerana kedua-duanya bermaksud belas kasihan dan kasih sayang, tetapi perbezaan antara keduanya berlaku pada sedalam mana sifat belas kasihan Allah SWT. Dalam hal ini, sifat *al-Raḥmān* menunjukkan sifat belas kasihan yang lebih mendalam kerana ia merangkumi semua makhluk di dunia sama ada orang beriman atau tidak beriman dan dapat dilihat dari sudut nikmat rezeki yang diberikan kepada semua makhluk di atas dunia tanpa pengecualian. *al-Raḥīm* pula menunjukkan sifat belas kasihan kepada golongan tertentu iaitu orang-orang beriman dan dapat dilihat melalui nikmat balasan syurga di kehidupan akhirat. Kesimpulan ini dinyatakan oleh al-Ṭabarī (t.t.), Ibn ‘Aṭīyyah (2001) dan Ibn Kathīr (1998). Oleh itu, pentafsiran perkataan *al-Raḥmān* dengan maksud pemurah adalah kurang tepat dan bersalahan dengan tatacara *tafsīr bi al-ma'thūr*. Ini kerana walaupun sifat *al-Raḥmān* merangkumi sifat pemurah kerana ia melibatkan pemberian rezeki kepada semua makhluk di dunia, tetapi perkataan pemurah dalam Bahasa Melayu tidak semestinya dikaitkan dengan sifat belas kasihan dan kasih sayang. Perkara ini dikuatkan

dengan riwayat-riwayat lain yang menunjukkan *al-Rahman* bermaksud Zat yang sangat berbelas kasihan dan mengasihi sekalian makhluknya tanpa mengkhususkan golongan tertentu berbanding hanya satu riwayat yang mengaitkan tafsiran *al-Raḥmān* dengan maksud pemberian rezeki kepada semua makhluk semata-mata.

SURAH AL-IKHLĀS

Pentafsiran perkataan *al-Ṣamad* dalam ayat 2 daripada surah al-Ikhlās oleh Abdullah Basmeih adalah Tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ringkasan perbandingan maksud *al-Ṣamad* antara tafsiran Abdullah Basmeih dengan riwayat-riwayat *ma'thūr* diterangkan dalam jadual 2.

Pentafsiran		Ṣaḥābī	Tābi'īn
Pentafsiran Basmeih	Tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat	Abū Hurayrah RA. dan 'Abdullah bin 'Abbās	-
Pentafsiran lain	Yang tidak ada rongga, tidak makan dan tidak minum	'Abdullah bin Mas'ūd, 'Abdullah bin 'Abbās (melalui 'Alī), Anas bin Mālik.	Sā'id bin Jubayr, Maysarah, Mujāhid bin Jabr, al-Dhaḥḥāk bin Muzāḥim, 'Āmir al-Sha'bī, al-Ḥasan al-Baṣrī (Melalui al-Rabī' bin Muslim)

	Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan	-	Abū al-‘Āliyah al-Riyāḥī, Sa‘īd bin al-Musayyib, al-Ḥasan al-Baṣrī, Ikrimah Mawlā Ibn ‘Abbās
	Ketua yang paling tertinggi	‘Abdullāh bin Mas‘ūd (Melalui Shaqīq), ‘Ālī bin Abī Ṭālib, ‘Abdullāh bin ‘Abbās (Melalui ‘Ālī),	Abū Wā’il Shaqīq bin Salamah (Melalui al-A‘mash), Ikrimah Mawlā Ibn ‘Abbās
	Satu-satunya tunggal yang tidak akan terhapus	-	Murrah al-Hamadānī, al-Ḥasan al-Baṣrī (Melalui Sufyān).
	Yang sempurna, tidak ada sebanding-Nya	-	Ka‘b al-Aḥbār, Sa‘īd bin Jubayr.
	Cahaya yang berkilauan	-	‘Abdullāh bin Buraydah.

Jadual 2: Ringkasan Perbandingan Maksud al-Ṣamad Antara Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Dengan Riwayat-Riwayat Ma’tḥūr.

Pentafsiran Abdullah Basmeih ini berdasarkan riwayat *mawqūf* oleh Abū Hurayrah RA dan ‘Abdullah bin ‘Abbās (melalui ‘Ikrimah dan al-Ḍaḥḥāk). Pentafsiran ini lebih hampir dengan pilihan Ibn Jarīr (t.t) yang berpandangan maksud perkataan ini ialah ketua yang paling tertinggi yang sudah tentu menjadi tumpuan masyarakat untuk memohon apa-apa keperluan.

Melihat kepada riwayat berkaitan pentafsiran bagi perkataan *al-Ṣamad*, terdapat perbezaan pandangan terhadap makna pada kalimah ini, ia terbahagi kepada beberapa pandangan iaitu: (1) Yang tidak ada rongga, tidak makan dan tidak minum (2) Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan (3) Ketua yang paling tertinggi (4) Satu-satunya tunggal yang tidak akan terhapus (5) Yang sempurna, tidak ada sebanding-Nya (7) Tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat dan (8) Cahaya yang berkilauan. Dalam hal ini, Ibn ‘Atiyyah (2001) lebih cenderung kepada makna Yang tidak ada rongga, tidak makan dan tidak minum, Ibn Kathīr (1998) pula cenderung kepada pandangan al-Rabī‘ bin Anas iaitu Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan. Manakala Ibn Jarīr (t.t) pula sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa kalimah *al-Ṣamad* di sisi orang Arab ialah Ketua yang paling tertinggi dan mentarjihkan makna ini bersandarkan dalil bahasa. Ibn Taymiyyah dalam al-Ṭayyār & al-Shihri (2017) mengatakan bahawa semua pandangan tersebut adalah betul tetapi dua pandangan yang paling menonjol iaitu Yang tidak ada rongga dan Ketua paling tertinggi yang menjadi tumpuan masyarakat, makna pertama adalah pandangan kebanyakan Salaf dalam kalangan Ṣaḥābat dan Tābi‘īn serta sebahagian ahli bahasa manakala makna kedua pula pandangan sebahagian Salaf dan Khalaf dan kebanyakan ahli bahasa.

Ramai kalangan para Sahabat dan Tābi‘īn menafsirkan perkataan ini dengan makna Yang tidak ada rongga, tidak makan dan tidak minum. Walaupun begitu, pentafsiran ini dilihat lebih dipengaruhi oleh sabab

nuzūl ayat. Tetapi kaedah yang digunakan oleh sarjana Tafsir dan ‘ulūm al-Qur’ān ialah العبرة بعموم اللفظ لا بخصوص السبب yang bermaksud “sesuatu ibarat hendaklah ditafsirkan dengan keumuman lafaz bukan dengan sebab yang khusus” (al-Zarkashī, 1956), Maka pentafsiran perkataan ini tidak hanya berdasarkan *sabab nuzūl* ayat. Justeru, para pengkaji memilih makna yang kedua iaitu Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan. Justifikasinya adalah kerana makna ini lebih menepati *Tafsir al-Qur’an bi al-Qur’an* yang merupakan metodologi pentafsiran yang terbaik menurut teori yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah (1980) dan ramai para sarjana lain. Makna ini dipilih berbanding makna lain yang terdapat dalam periwayatan salaf dalam kalangan Sahabat dan Tābi‘īn yang mana ia juga boleh dikategorikan sebagai *Tafsir al-Qur’an bi al-Qur’an* memandangkan sebahagian makna-makna tersebut terdapat dalam ayat pada surah lain. Hal ini kerana makna Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan ini dilihat berada pada ayat secara langsung (*muttaṣil*) selepas perkataan al-Ṣamad. Justeru, berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh para sarjana tafsir dan ‘Ulūm al-Qur’ān bahawa pentafsiran al-Qur’an bi al-Qur’an *muttaṣil* didahulukan daripada *munfaṣil*, maka makna ini dipilih. Pandangan ini dikuatkan dengan nukilan al-Shanqīṭī (1995) yang mengatakan sebahagian sarjana tafsir mentafsirkan perkataan al-Ṣamad dengan tafsiran ini. Ibn Kathīr juga mengatakan bahawa tafsiran ini adalah makna yang baik (*ma’nā ḥasan*). Al-Shanqīṭī (1995) menjelaskan bahawa bermula ayat kedua hingga ayat keempat merupakan tafsiran kepada ayat pertama surah ini, justeru ketiga-tiga ayat

tersebut mentafsirkan sifat-sifat keagungan dan kesempurnaan Allah SWT yang tunggal.

SURAH AL-FALAQ

Abdullah Basmeih mentafsirkan perkataan *al-Falaq* dalam ayat 1 daripada surah al-Falaq dengan makna makhluk. Ringkasan perbandingan maksud *al-Falaq* antara tafsiran Abdullah Basmeih dengan riwayat-riwayat *ma'thūr* diterangkan dalam jadual 3.

Pentafsiran		Nabawī	Ṣaḥābī	Tābi'īn
Pentafsiran Basmeih	Makhluk	-	‘Abdullah bin ‘Abbās (Melalui ‘Alī	al-Ḍaḥḥāk bin Muzāḥim dan Muqātil bin Sulaymān
Pentafsiran lain	Satu lubang dalam neraka	‘Amr bin ‘Absah daripada Rasulullah SAW.	‘Amr bin ‘Absah,	-
	Satu telaga yang luas	Abū Hurayrah daripada Rasulullah SAW.	-	Zayd bin ‘Alī bin al-Ḥusayn, Wahb bin Munabbih dan Ismā‘īl al-Suddī
	Satu pintu dalam neraka	‘Uqbah bin ‘Āmir daripada Rasulullah	-	-

		SAW.		
	Nama bagi penjara dalam Neraka	‘Ābdullah bin ‘Āmr bin al-‘Āsr daripada Rasulullah SAW.	‘Ābdullah bin ‘Ābbās (Melalui Ishāq bin ‘Ābdullah	-
	Satu pokok dalam neraka	-	‘Ābdullah bin ‘Āmr	-
	Waktu Subuh	-	‘Ābdullah bin ‘Ābbās (Melalui al-‘Āwfī, ‘Ikrimah dan al-Ḍaḥḥāk), Jābir bin ‘Ābdullah dan Sa‘īd bin Jubayr.	Mujāhid bin Jabr (Melalui Ibn Abī Najīh), al-Ḥasan al-Baṣrī (Melalui ‘Āwf), Muḥammad bin Ka‘b al-Quraṣī (Melalui Abī Ṣakhr), Qatādah bin Di‘āmah (Melalui Ma‘mar), ‘Ābd al-Raḥmān bin Zayd bin Aslam (Melalui Ibn Wahb).
	Satu rumah dalam neraka	-	-	‘Ābd al-Jabbār al-Khawḷānī dan Ka‘b al-Aḥbār (Melalui Abī

				‘Ubayd)
	Nama neraka	-	-	Abū ‘Ābd al- Raḥmān al- Ḥubulī
	Satu lembah dalam neraka	-	-	Muḥammad bin al-Sā’ib al-Kalbī

Jadual 3: Ringkasan Perbandingan Maksud al-Falaq Antara Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Dengan Riwayat-Riwayat Ma’tḥūr.

Pentafsiran Abdullah Basmeih ini berdasarkan riwayat *mawqūf* oleh ‘Abdullah bin ‘Abbās (melalui ‘Ālī). Pentafsiran ini lebih hampir dengan pilihan Ibn Taymiyyah dalam al-Ṭayyār & al-Shihri (2017) yang lebih cenderung kepada makna makhluk bagi kalimah *al-falaq*. Terdapat perbezaan pandangan terhadap makna pada kalimah *al-falaq*, ia terbahagi kepada beberapa pandangan iaitu: (1) Satu lubang dalam neraka (2) Satu telaga yang luas (3) Satu pintu dalam neraka (4) Nama bagi penjara dalam Neraka (5) Satu pokok dalam neraka (7) Waktu Subuh (8) Satu rumah dalam neraka (9) Satu rumah dalam neraka (10) Nama neraka (11) Satu lembah dalam neraka dan (12) Makhluk.

Dalam hal ini, Ibn Jarīr (t.t) mentarjihkan makna waktu Subuh bersandarkan hujah bahasa, dalam masa yang sama makna ini adalah pandangan Ibn ‘Abbās melalui ‘Āwfi. Begitu juga, Ibn Jarīr mengharuskan makna-makna lain yang terdapat dalam riwayat bagi

kalimah *al-falaq*. Selain Ibn Jarīr, Ibn Kathīr (1998) juga mentarjihkan makna yang sama dan menyatakan bahawa ia adalah makna yang dipilih oleh al-Bukhārī. Ibn Taymiyyah dalam al-Ṭayyār & al-Shihri (2017) mengkritik pandangan yang mengatakan bahawa kalimah *al-falaq* bermakna lembah atau pokok dalam neraka serta salah satu nama neraka dengan beberapa hujah aqli iaitu: (1) Kurang tepat dari sudut semantik (*dalālah*) bagi kalimah *al-falaq* (2) Tiada nukilan riwayat daripada Rasulullah SAW (3) Tidak terzhahir ciri-ciri keagungan *rububiyyah* Allah SWT jika ditafsirkan dengan makna-makna tersebut. Beliau lebih cenderung dengan makna makhluk, semua ciptaan atau cahaya yang dizahirkan pada waktu siang yang lebih menyerlahkan keagungan Allah SWT yang dimohon perlindungan daripada-Nya iaitu Tuhan sekalian makhluk, Tuhan semua ciptaan dan Tuhan kepada cahaya.

Para pengkaji bersetuju dengan terjemahan dan tafsiran Abdullah Basmeih kepada kalimah *al-falaq* dengan makna makhluk di mana tafsiran ini selaras dengan riwayat Ibn ‘Abbās melalui ‘Alī. Di samping itu, riwayat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dengan makna lubang atau telaga dalam neraka adalah berstatus *munkar* sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Kathīr (1998). Al-Albānī (1992) juga menyatakan bahawa riwayat ini sebagai *munkar*. Pandangan ini juga dapat dikuatkan dengan hujah-hujah yang diutarakan oleh Ibn Taymiyyah seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Abdullah Basmeih mentafsirkan perkataan *ghāsiq* dan *waqab* dalam ayat 3 daripada surah al-Falaq dengan makna malam apabila ia

menjadi gelap. Ringkasan perbandingan maksud *ghāsiq* dan *waqab* antara tafsiran Abdullah Basmeih dengan riwayat-riwayat *ma'thūr* diterangkan dalam jadual 4.

Pentafsiran		Nabawī	Ṣaḥābī	Tābi'īn
Pentafsiran Basmeih	Malam apabila ia menjadi gelap	-	‘Ābdullah bin ‘Ābbās (Melalui ‘Ikrimah dan ‘Ālī)	Mujāhid bin Jabr (Melalui Ibn Abī Najīḥ), al-Ḥasan al-Baṣrī (Melalui Ma‘mar dan ‘Awf, ‘Ātiyyah bin Sa‘d al-‘Awfī, Qatādah bin Di‘āmah Melalui Ma‘mar), Ismā‘īl al-Suddī dan Muqātil bin Sulaymān.
Pentafsiran lain	Siang apabila tibanya malam	-	-	Muḥammad bin Ka‘b al-Quraṣī (Melalui Abī Ṣakhr) dan Muḥammad bin Shihāb al-Zuhrī (Melalui ‘Āqīl bin Khālīd).
	Siang apabila	-	-	Muḥammad bin

	tibanya malam			Ka'b al-Quraẓī (Melalui Abī Ṣakhr) dan Muḥammad bin Shihāb al-Zuhrī (Melalui 'Āqīl bin Khālid).
	Bulan	'Āishah daripada Rasulullah SAW.	-	-
	Cakerawala/Bintang	Abū Hurayrah daripada Rasulullah SAW.	Abū Hurayrah (Melalui Abī al- Mahzam)	'Abd al- Raḥmān bin Zayd bin Aslam (Melalui Ibn Wahb)

Jadual 4: Ringkasan Perbandingan Maksud *Ghāsiq* dan *Waqab* Antara Tafsir Pimpinan al-Raḥmān Dengan Riwayat-Riwayat Ma'thūr.

Terdapat perbezaan pandangan terhadap makna pada kalimah *ghāsiq* dan *waqab* dalam ayat 3 daripada surah al-Falaq, ia terbahagi kepada beberapa pandangan iaitu: (1) Malam apabila ia menjadi gelap (2) Siang apabila tibanya malam (3) Bulan dan (4) Bintang.

Dalam hal ini, Ibn Taymiyyah dalam al-Ṭayyār & al-Shihrī (2017) lebih cenderung kepada makna keempat iaitu bintang yang merupakan riwayat secara *marfū'*. Beliau memberi komentar bahawa hikmah daripada makna tersebut cahaya adalah lambang kepada setiap jenis kebaikan manakala kegelapan pula dalah lambang kepada jenis

keburukan. Hal ini dapat dilihat pada waktu malam kebiasaannya akan berlaku keburukan kepada jiwa atau diri yang tidak berlaku pada siang hari, bulan mempunyai kesan kepada keadaan bumi terutama ketika berlakunya gerhana. Begitu juga ketika munculnya bintang turut memberi kesan terhadap muka bumi iaitu kekeringan.

Ibn Qayyim (2019) juga memberi komentar terhadap makna yang sama dengan mengatakan jika mengkhususkan *ghāsiq* dengan makna bintang yang tenggelam adalah kurang tepat, tetapi menjadikan bintang sebahagian dari makna perkataan ini terdapat kebenarannya. Ibn Khathīr (1998) pula lebih cenderung kepada makna ketiga iaitu dengan makna bulan bersandarkan hadith ‘Āishah daripada Rasulullah SAW. yang diriwayatkan oleh Ahmad. Ibn Jarīr (t.t) pula mentarjihkan makna umum bagi perkataan ini iaitu yang gelap, signifikannya bulan dan bintang apabila hilang maka keadaan akan menjadi gelap, tetapi tidak dikhususkan kepada bulan dan bintang bahkan ia meliputi semua perkara gelap yang dianjurkan untuk meminta perlindungan daripada Allah SWT ketika berada dalam keadaan gelap. Ibn ‘Atīyyah (2001) menukilkan daripada al-Qutbī dan lain-lain bahawa *ghāsiq* adalah bulan apabila ia masuk pada waktu sahur (hampir siang) ia akan hilang. Makna ini bersandarkan ḥadīth Abū Hurayrah daripada Rasulullah SAW. Kesimpulannya, ramai kalangan sarjana seperti yang dinyatakan sebelum ini lebih cenderung kepada makna bulan atau bintang kerana ia bersandarkan kepada riwayat yang *marfū‘*.

Para pengkaji memilih tafsiran bagi kalimah ini sebagai bulan dan cakerawala atau bintang. Hal ini kerana kedua-dua makna ini bersandarkan riwayat *marfu'* yang sahih secara umum. Dalam hal ini, al-Tirmidhī (1998) menyatakan ḥadīth ini sebagai *ḥasan ṣaḥīḥ*, al-Ḥākim dalam al-Ṭayyār & al-Shihrī (2017) pula menyatakan sanadnya *ṣaḥīḥ* dan disepakati oleh al-Dhahabī, Ibn Ḥajar (1959) pula menyatakan sanadnya *ḥasan*. Ḥadīth ini juga disenaraikan oleh al-Albānī (1995) dalam karyanya *Silsilah al-Ṣaḥīḥah*.

SURAH AL-NĀS

Dalam Surah al-Nās pula, Abdullah Basmeih mentafsirkan perkataan *al-Waswās* dengan maksud pembisik dan penghasut. Ringkasan perbandingan maksud al-Waswās antara tafsiran Abdullah Basmeih dengan riwayat-riwayat ma'thūr diterangkan dalam jadual 5.

Pentafsiran		Nabawi	Ṣaḥābī	Tābi'īn
Pentafsiran Basmeih	Pembisik dan penghasut.	-	-	Abdul Rahman bin Zaid bin Aslam (jalur Ibn Wahb)
Pentafsiran lain	Syaitan yang mempunyai muncung mulut	Rasulullah SAW. daripada Anas bin Malik RA.	-	-
	Syaitan yang meletakkan mulutnya pada	-	Ibn Abbas (jalur Sa'īd)	-

	hati manusia			
	Syaitan yang tinggal dalam hati manusia	-	Ibn Abbas	Mujahid, Qatādah dan Ibn Thawr
	Syaitan yang menyuruh manusia melakukan kejahatan	-	Ibn Abbas (jalur al-Awfi)	-

Jadual 5: Ringkasan Perbandingan Maksud *al-Waswās* Antara Tafsir Pimpinan al-Rahmān Dengan Riwayat-Riwayat Ma'thūr.

Abdullah Basmeih mentafsirkan *al-Waswās* sebagai sifat pembisik dan penghasut secara umum dan boleh berlaku daripada jin dan manusia. Tafsiran ini bersesuaian dengan riwayat Abdul Rahman bin Zaid bin Aslam (al-Ṭabarī, t.t.). Beliau merupakan seorang tabi'in dan *mawla* kepada Ibn Umar RA para ulama menilai beliau sebagai salah seorang yang riwayatnya dianggap sebagai *daif*. (al-Dhahabī, 2003)

Ibn Zaid bin Aslam bersendirian dalam membawa maksud di atas. Riwayat-riwayat lain menunjukkan *al-Waswās* yang dimaksudkan ialah syaitan dari kalangan jin yang tidak dapat dilihat dengan mata manusia. Al-Muttaqī al-Hindī membawa riwayat Rasulullah SAW daripada Anas bin Malik RA yang menyatakan *al-Waswās* ialah syaitan yang mempunyai muncung seperti paruh dan diletakkan pada hati manusia apabila dia lalai daripada mengingati Allah SWT (*Da'if*) (al-Muttaqī al-Hindī, 1981).

Ibn Abbas RA turut menjelaskan *al-Waswās* ialah syaitan yang mendiami hati manusia (HR. al- Hakim: 3991. Sahih mengikut syarat Bukhari dan Muslim) meletakkan mulutnya pada hati manusia (HR. Ibn Abī Syaibah: 34774) dan sentiasa menyuruh manusia melakukan kejahatan (al-Ṭabarī, t.t.). Tafsiran ini turut disokong oleh sebahagian tabiin seperti Mujahid, Qatādah dan Ibn Thawr. (al-Ṭabarī, t.t.)

Riwayat-riwayat di atas menunjukkan pentafsiran *al-Waswās* dengan maksud sejenis syaitan lebih banyak berbanding riwayat yang mentafsirkan perkataan tersebut sebagai satu sifat yang ada pada sebahagian golongan jin dan manusia. Perkara ini membuktikan Abdullah Basmeih mentafsirkan perkataan *al-Waswās* dengan maksud dari segi bahasa dan tidak berpandukan tatacara *tafsir bi al-ma'thūr*. Hal ini dapat dilihat daripada dua sudut. Sudut pertama riwayat yang digunakan oleh Abdullah Basmeih merupakan riwayat tunggal dan bercanggah dengan riwayat-riwayat lain. Sudut kedua dari sudut kesahihan riwayat tersebut dipertikaikan kerana diriwayatkan oleh Ibn Zaid bin Aslam yang terkenal dalam kalangan ulama Hadis sebagai seorang yang periwayatannya adalah daif. Berbeza dengan tafsiran *al-Waswās* sebagai sejenis syaitan, ia berdasarkan riwayat yang lebih kuat dari segi status dan kepelbagaian jalur periwayatan menjadikannya sebagai riwayat yang sahih.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa di dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman, terdapat terjemahan dan tafsiran kalimah-kalimah yang selari dengan

periwayatan secara *al-ma'thūr* seperti kalimah *al-Falaq* yang diterjemahkan sebagai makhluk bertepatan dengan riwayat Ibn 'Abbās. Terdapat juga terjemahan yang bertepatan dengan riwayat *al-ma'thūr* pada peringkat kata-kata Sahabat RA, tetapi terdapat terjemahan yang lebih tinggi peringkat pentafsirannya dalam *tafsir bi al-ma'thūr* iaitu *tafsir al-Quran bi al-Quran* seperti tafsiran kalimah *al-Ṣamad*, dan juga *tafsir al-Quran bi al-Sunnah* seperti tafsiran kalimah *ghāsiq* dan *waqab*, maka perlunya memilih tafsiran yang lebih tinggi peringkatnya. Dalam masa yang sama, terdapat juga terjemahan dan tafsiran secara literal seperti terjemahan kalimah *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* sebagai Pemurah dan Penyayang dan terjemahan kalimah *al-waswās* sebagai pembisik dan penghasut, di samping sanad riwayat dengan makna ini adalah *ḍa'if*.

Hal ini menunjukkan metodologi yang digunakan dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman bukan berdasarkan tatacara *tafsir bi al-ma'thur* semata-mata, tetapi terdapat juga kaedah tafsir *al-lughawī* atau literal yang digunakan. Justeru, satu kajian khusus perlu dijalankan untuk mengenal pasti nisbah penggunaan metodologi *al-tafsir bi al-ma'thur* dan *al-tafsir al-lughawī* dalam karya tersebut secara keseluruhan. Selain itu, para ulama' boleh dikatakan bersepakat bahawa cara paling selamat untuk memahami al-Qur'an ialah berpandukan metodologi *tafsir bi al-ma'thur*. Justeru sekiranya di dalam Bahasa Arab sudah terdapat sejumlah tafsir yang menggunakan kaedah ini dalam memahami al-Qur'an kepada masyarakat, maka dalam konteks masyarakat Melayu, sebuah terjemahan yang berlandaskan metodologi yang serupa adalah

amat diperlukan untuk memastikan masyarakat awam Melayu mempunyai akses ke sumber yang menyampaikan kepada mereka makna al-Qur'an menurut metodologi yang terbaik, iaitu *tafsir bi al-ma'thur*.

RUJUKAN

- Abdul Halim B. (2018). *Manhaj Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran Karya Sheikh Abdullah basmeih*. Tesis Sarjana. Surabaya: Universiti Islam Negeri Sunan Ampel.
- Abdullah, M. (2009). *Khazanah Tafsir di Malaysia*. Bentong, Pahang: Book pro Publishing Services.
- Al-Albānī, M. N. (1992). *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah wa Atharuhā al-Sayyi' fi al-Ummah*. Riyadh: Dār al-Ma'ārif.
- Al-Albānī, M. N. (1995). *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah wa Shay'un min Fiqhihā wa Fawā'idihā*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- Al-Baihaqī, A. Ḥ. (1993). *Al-Asmā' wa al-Ṣifāt*. Tahqiq: 'Abdullah bin Muḥammad al-Ḥāsyidī. Jedah: Maktabah al-Sawādī.
- Basmeih, S. A. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Al-Dhahabī, M. A. (2003). *Tārīkh al-Islām wa Waḥyāh al-Masyāhīr wa al-A'lām*. Tahkik: Basysyār 'Awwād Ma'rūf. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Dhahabī, M. Ḥ. (2003). *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Riyadh: Kementerian Hal Ehwal Islam, Waqaf, Dakwah dan Bimbingan.
- Al-Ḥākim, M. A. (1990). *Al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥain*. Tahqiq: Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Hassan, W. R. (2001). *Sumbangan Syeikh Abdullah Basmeih dalam Bidang Tafsir: Kajian Khusus Terhadap Kitab Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Universiti Malaya, Jabatan al-Quran dan Hadith, Bahagian Penagajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibn ‘Aṭīyyah, A. Ḥ. (2001). *Al-Muḥarrar al-Wajīz Fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. Tahqiq: ‘Abd al-Salām ‘Abd al-Syāfi Muḥammad. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Abī Syaibah, A. M. (1988). *Al-Kitāb al-Muṣannaḡ Fī al-Aḥādīth wa al-Āthār*. Tahqiq: Kamāl Yūsuf al-Ḥūt. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn al-Qayyim, M. A. B. (1989). *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*. Cet. 1. Tahqīq: Maktab al-Dirāsāt wa al-Buḥūth al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah di bawah bimbingan Ibrāhīm Ramaḡān. Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilāl.
- Ibn al-Qayyim, M. A. (2019). *Badā’i‘ al-Fawā’id*. Cet. 5. Tahqīq: ‘Alī bin Muḥammad al-‘Imrān. Riyāḡ: Dār ‘Aṭā’āt al-‘Ilm, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Ḥajar, A. A. (1959). *Fath al-Bārī Sharḡ Ṣāḡīḡ al-Bukḡārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Kathīr, I. U. (1998). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Tahqiq: Muḥammad Ḥusain Syams al-Dīn. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, A. A. Ḥ. (1980). *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr*. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayah.

- Al-Khatib al-Iskafi, M. A. (2001). *Durrah al-Tanzil wa Ghurrah al-Ta'wil*. Kajian oleh Dr. Muhammad Mustafa Ayidin. Mekah: Universiti Ummul Qura.
- Mohd Ikbal A. Z. (2010). *Metode Basmeih Dalam Menafsirkan Ayat Dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Tesis Sarjana. Riau: Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.
- Muhammad Arif Musa, A. M. (2018). Terjemahan Ayat Amthāl di Dalam al-Quran: Kajian Terhadap Tafsir Pimpinan al-Rahman. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 147-156.
- Al-Muttaqī al-Hindī, A. Ḥ. (1981). *Kanz al-'Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*. Tahqīq Bakrī Ḥayānī. Cet. 5. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Rāzī, I A. Ḥ. (1998). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Tahqīq: *As'ad Muḥammad al-Ṭayyib*. Saudi: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz.
- Al-Shanqīṭī, M. A. (1995). *Aḍwā' al-Bayān fī lḍāḥ al-Qur'ān bi al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, M. J. (t.t.). *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Makkah: Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth.
- Al-Ṭayyār, M. S. (1993). *Fuṣūl fī Uṣūl Tafsīr*. Riyadh: Dār al-Nashr al-Daulī.
- Al-Ṭayyār, M. S. (2008). *Al-Muharrar fī Ulum al-Qur'an*. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-Ma'lumat al-Qur'aniyyah bi Ma'had al-Imam al-Syatibi.
- Al-Ṭayyār M. S. & al-Shihri N. Y. (2017). *Mawsū'ah al-Tafsīr bi al-ma'thūr*. Beirut: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qur'āniyyah bi Ma'had al-Imām al-Shāṭibī & Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Tirmidhī, M. Ḥ. (1998). *Al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*.

- Tahqīq: Bashhār ‘Awwad Ma‘rūf. Beirut: Dār al-Qarb al-Islāmī.
- Al-Zarkashī, M. A. A. (1956). *Al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Tahqīq: Muḥammad Abu al-Faḍl Ibrāhīm. Kaherah: Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Al-Zurqani, Muhammad A. A. (t.t.). *Manahil al-Urfan fi Ulu mal-Qur’an*. Kaherah: Percetakan Isa al-Babi al-Halabi dan rakan-rakan.